

31 MAY 2003

MUSTAPA-USAHAWAN

KERAJAAN SENTIASA PRIHATIN DENGAN MASALAH USAHAWAN KECIL

KOTA BAHARU, 31 Mei (Bernama) -- Kerajaan sentiasa prihatin dengan masalah yang dihadapi peniaga dan usahawan kecil di seluruh negara untuk mendapatkan modal dalam keadaan ekonomi yang belum pulih sepenuhnya.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata kerajaan telah memperuntukan RM2.25 bilion di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, bagi memudahkan golongan berkenaan mendapat modal.

"Peniaga dan usahawan kecil merupakan kumpulan yang paling banyak mendapat manfaat daripada Pakej Strategi Baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan promosi Arked Uda di sini hari ini.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata apa yang menggembirakan golongan itu pinjaman diberikan secara mudah termasuk tanpa perlu penjamin asalkan perniagaan mereka berdaya maju.

"Antara masalah utama yang dihadapi oleh peniaga kecil ialah untuk mendapatkan penjamin sedangkan perniagaannya berdaya maju, jadi oleh kerana masalah untuk mendapatkan penjamin banyak peniaga yang gagal mendapat pinjaman," katanya.

Beliau percaya dengan kaedah baru pemberian pinjaman berkenaan peruntukan RM2.25 bilion berkenaan akan dapat memantapkan pertumbuhan ekonomi negara.

Mustapa juga berkata Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan (Tekun) merupakan satu model terbaik untuk membantu usahawan kecil dalam mendapatkan pinjaman.

"Tekun mempunyai prestasi yang baik dan kerajaan telah menilai peranan Tekun. Bank Negara Malaysia berpendapat bahawa Tekun merupakan satu institusi yang terbaik untuk memberi pinjaman kepada usahawan kecil," katanya.

Beliau berkata kerajaan berpuashati dengan pembayaran balik pinjaman oleh peminjam.

Mustapa juga meminta pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) di Kelantan menyokong langkah-langkah yang diambil kerajaan pusat untuk membangunkan ekonomi negeri itu.

Terdapat 216 peniaga di Arked Uda yang merupakan salah satu pusat membeli belah terkenal di bandar ini.-- BERNAMA

BD OS